

16/06/2001

Filipina rumitkan isu tuntutan dua pulau

M Thillinadan

ISU tuntutan bertindih Pulau Ligitan dan Sipadan oleh Malaysia dan Indonesia yang berlarutan sejak 1969, kini bertambah rumit dengan tindakan Filipina memfailkan permohonan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) supaya kedua-dua negara itu mengemukakan dokumen tuntutan masing-masing kepada mereka.

Berikutan itu, ICJ akan bersidang di The Hague, Belanda dari 25 hingga 29 Jun ini untuk menentukan sama ada permohonan Filipina itu boleh dilayan atau tidak kerana bantahan keras Malaysia dan Indonesia sebagai pihak yang menuntut dua pulau di timur Sabah itu.

Malaysia menyifatkan tindakan Filipina yang tiada kepentingan dalam tuntutan bertindih itu sebagai 'karut' dan berharap ICJ akan membuang kes mereka. ICJ dijangka mendengar isu tuntutan Malaysia dan Indonesia terhadap kedua-dua pulau itu awal tahun depan.

Malaysia dan Indonesia dijangka menghantar perwakilan tertingginya ke The Hague untuk meminta ICJ menolak campur tangan Filipina dalam kes itu kerana tuntutan terhadap kedua-dua pulau itu hanya membabitkan Malaysia dan Indonesia.

Dalam perbicaraan lima hari itu, pasukan Malaysia seramai 12 orang akan diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Abdul Kadir Mohd (yang bertindak sebagai ejen). Beliau dibantu Duta Malaysia ke Belanda, Datuk Noor Farida Ariffin (sebagai ejen bersama); Peguamcara Negara, Datuk Heliliah Mohd Yusof; wakil Jabatan Pemetaan Malaysia, wakil kerajaan negeri Sabah dan empat pakar undang-undang antarabangsa.

Pasukan itu sudah memulakan tugas sejak 1991, khususnya berhubung tuntutan bertindih Malaysia dan Indonesia, dan diaktifkan selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Presiden Suharto (ketika itu) pada 1997 bersetuju isu tuntutan dibawa kepada ICJ untuk penyelesaian selepas kegagalan kedua-dua kerajaan mencari penyelesaian politik melalui rundingan dua hala.

Empat pakar undang-undang antarabangsa yang akan mengemukakan kes Malaysia di ICJ ialah dua peguam diraja dari Britain, masing-masing profesor di Universiti Cambridge, seorang pakar undang-undang dari Perancis (kerana bahasa di ICJ ialah bahasa Inggeris dan Perancis) dan seorang pakar undang-undang dari Belanda (kerana perjanjian antara British dan Belanda ketika itu dibuat dalam bahasa Belanda).

Keempat-empat pakar itu dipercayai antara yang terbaik di dunia dalam hal ehwal undang-undang antarabangsa, khususnya dalam pertikaian antara negara berhubung soal sempadan.

Selepas Dr Mahathir dan Suharto mencapai kata putus untuk ke ICJ, Malaysia dan Indonesia menandatangani satu perjanjian khas mengenai modaliti bagaimana isu itu dibawa ke ICJ pada 31 Mei 1997.

Malaysia memperakukan modaliti itu pada November 1999, diikuti Indonesia pada Disember tahun yang sama. Pada 29 Julai 1998, perjanjian khas itu didaftar di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), diikuti pemberitahuan perjanjian khas kepada ICJ pada 2 November 1998.

Selepas kedua-dua negara mengemukakan tiga hujah bertulis masing-masing antara November 1999 dan Mac 2000 kepada ICJ, kedua-dua negara memberitahu mereka sedia untuk memulakan perbicaraan.

Bagaimanapun, pada 12 Mac 2000, Filipina mencelah dan melalui Artikel 53(1) Peraturan-Peraturan Mahkamah (ICJ), membuat permohonan kepada ICJ supaya mereka mendapat akses dokumen tuntutan Malaysia dan Indonesia untuk

memutuskan sama ada mereka mahu campur tangan atau tidak.

Malaysia dan Indonesia membantah keras permohonan itu dan ICJ turut bersetuju. Bagaimanapun, sebelum keputusan itu disampaikan kepada Filipina, negara itu pada 13 Mac lalu, mengemukakan permohonan baru, kali ini mengikut Artikel 62 Statut Mahkamah (ICJ), satu permohonan untuk membenarkannya campur tangan dalam kes pertikaian kedaulatan Pulau Ligitan dan Sipadan.

Malaysia dan Indonesia sekali lagi membuat bantahan bertulis. Bagaimanapun, ICJ menetapkan 25 hingga 29 Jun ini untuk mendengar permohonan Filipina itu.

Seramai 15 hakim ICJ akan menentukan sama ada Filipina layak mencelah atau tidak. Mengikut urutan perbicaraan yang dikeluarkan ICJ, pada 25 Jun, Filipina akan membuat hujah lisan berhubung permohonannya, pada 26 Jun Indonesia dan Malaysia akan membuat bantahan lisan.

Ini akan diikuti Filipina membalas bantahan Malaysia dan Indonesia pada 28 Jun manakala pada hari terakhir 29 Jun, Malaysia dan Indonesia akan membalas hujah Filipina. Bagaimanapun, keputusannya hanya dijangka diketahui pada September ini.

Anehnya, Filipina hanya memohon untuk mencelah dan menyatakan tidak berniat untuk membuat tuntutan terhadap kedua-dua pulau itu.

Difahamkan, tindakan Filipina memohon untuk campur tangan ada kaitan dengan tuntutan negara itu terhadap Sabah. Oleh kerana Ligitan dan Sipadan adalah sebahagian daripada Sabah, mereka tidak mahu ketinggalan dan mahu suara mereka turut didengar.

Bagaimanapun, kerajaan Malaysia yakin permohonan Filipina yang tidak berasas itu akan 'ditendang keluar' atas sebab teknikal oleh ICJ kerana mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan terhadap kedua-dua pulau itu.

Secara senyap-senyap, Malaysia juga berharap keputusan ICJ (jika menolak permohonan Filipina) akan menutup buat selama-lamanya tuntutan Filipina terhadap Sabah secara keseluruhan dan menyelesaikan satu kes yang sudah lama berlarutan.

Filipina mula menuntut Sabah sejak negeri itu dan Sarawak menyertai Malaysia pada 1963, diikuti keputusan rakyat Sabah dan Sarawak yang memilih untuk bersama Malaysia. Referendum telah disahkan sendiri oleh Suruhanjaya Cobbold dan kemudian Setiausaha Agung PBB ketika itu.

Bagi Malaysia, isu tuntutan Sabah terhadap Sabah adalah soal dalaman negara itu dan ia sengaja ditimbulkan oleh ahli politik dan media dari semasa ke semasa untuk kepentingan mereka.

Filipina mendakwa Sabah diperintah oleh Sultan Sulu sehingga 1878 apabila wilayah itu disewakan kepada Syarikat Hindia Timur. Manila membuat tuntutan apabila Sabah diisytiharkan sebahagian Malaysia pada 1963.

Bagaimanapun, Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan kerajaan Filipina terhadap Sabah kerana negeri itu adalah entiti sah milik negara.

Malaysia membayar RM5,300 setahun kepada waris Sultan Sulu sebagai 'wang penyerahan' ke atas Sabah.

Pembayaran itu dibuat sejajar dengan penghakiman Macaskie pada 1939 berikutan saman tuntutan yang dikemukakan oleh sembilan waris Sultan Sulu.

Apabila Sabah menyertai Malaysia pada 1963, pembayaran itu diambil alih oleh kerajaan Malaysia daripada kerajaan British yang memerintah Sabah (dulu dikenali sebagai North Borneo) dengan jumlah yang sama.

Apabila Presiden Filipina ke-7, Diosdado Macapagal, membuat tuntutan kedaulatan ke atas Sabah pada 1962, Malaysia menghentikan bayaran tetapi bayaran itu disambung semula pada 1979.

"Sebenarnya ada dua perkara terhadap tuntutan ke atas Sabah. Pertama tuntutan hak milik oleh waris Sultan Sulu dan kedua tuntutan kedaulatan oleh kerajaan Filipina. Kita tidak mengiktiraf tuntutan kedua itu tetapi bagi tuntutan pertama, kita masih meneruskan bayaran kepada sembilan waris

Sultan Sulu," kata jurucakap Wisma Putra sebelum ini.

Mendiang Presiden Ferdinand Marcos sendiri pernah mengumumkan pada 1977 bahawa Filipina akan menggugurkan tuntutan ke atas Sabah, bagaimanapun keputusan Filipina untuk mencelah dalam tuntutan oleh Malaysia dan Indonesia, mungkin ada kaitan dengan anak Macapagal, Arroyo, mahu meneruskan perjuangan bapanya.

Pulau Sipadan seluas kira-kira tiga padang bola dan antara destinasi utama penyelam dunia menarik perhatian dunia pada 23 April tahun lalu, apabila sekumpulan lelaki bersenjata menceroboh dan menculik 21 orang, termasuk pelancong asing yang dijadikan tebusan.

(END)